

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Dua kematian akibat denggi di Kelantan

Kota Bharu: Sebanyak dua kematian direkodkan akibat denggi sehingga minggu epidemik ke 23 (5 hingga 11 Jun) di Kelantan pada tahun ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr Zaini Hussin berkata berbanding tahun lalu, tiada kematian direkodkan akibat denggi.

Beliau berkata kumulatif kejadian kes denggi di Kelantan sehingga 11 Jun tahun ini mencatatkan 197 kes ber-

banding 101 kes bagi tempoh yang sama pada tahun lalu, iaitu peningkatan sebanyak 96 kes atau 95.05 peratus.

"Pada tahun ini juga terdapat 10 episod wabak denggi dilaporkan di Kelantan berbanding lima episod wabak denggi bagi tempoh yang sama 2021.

"Pada masa ini terdapat lima wabak denggi aktif di seluruh Kelantan iaitu di Badang, Kota dan Panji di Kota Bharu dan di Taman Sri Mahang serta Bukit China 2 di

Ketereh," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Zaini berkata daripada 94,867 premis dan rumah kediaman yang diperiksa sebanyak 2,967 premis dikesan mempunyai tempat pembiakan jentik-jentik.

Sehubungan itu, katanya JKNK mengeluarkan 461 kompaun yang dicadang dengan nilai RM230,500 mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975.

"Jika rumah kediaman se-

seorang itu berada di kawasan wabak denggi dan hasil pemeriksaan menjumpai pembiakan nyamuk aedes maka kompaun (saman) maksimum sebanyak RM500 akan dikeluarkan tanpa sebarang rayuan pengurangan," katanya.

Menurutnya dalam tempoh sama sebanyak 36 Notis Seksyen 8 telah dikeluarkan bagi arahan kerja pembersihan dan pemusnahan tempat berpotensi menjadi pembiakan aedes.



Pada tahun ini juga terdapat 10 episod wabak denggi dilaporkan di Kelantan"

Dr Zaini

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Selangor penyumbang tertinggi HFMD

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR

PUTRAJAYA – Selangor menjadi penyumbang tertinggi kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) iaitu 26,799 kes bersamaan 27.9 peratus berdasarkan rekod 2022 sehingga Sabtu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ia diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya 10,739 kes (11.2 peratus), Perak 9,744 kes (10.2 peratus), Johor 6,326 kes (6.6 peratus) dan Kelantan 6,153 kes (6.4 peratus).

Ujarnya, bagi negeri-negeri lain, pelaporan kes HFMD sekitar atau kurang daripada 5,500 kes.

Bagi tahun ini juga, katanya, sehingga hari terakhir minggu epidemiologi (ME) 23/2022 iaitu pada 11 Jun 2022, sejumlah 95,924 kes telah dilaporkan, iaitu peningkatan sebanyak 36 kali ganda bagi tempoh yang sama pada tahun 2021 (semasa pandemik Covid-19) iaitu 2,654 kes.

"Jika dibandingkan dengan kes bagi tempoh yang sama pada 2019 (sebelum pandemik Covid-19) iaitu sebanyak 30,880 kes, ia menunjukkan peningkatan sebanyak 3.1 kali ganda.

"Bagaimanapun, kes dilaporkan di seluruh negara bagi ME 23/2022 sahaja adalah 13,080, menurun 22.9 peratus berbanding ME 22/2022 iaitu 16,954 kes di mana tren kes mingguan HFMD menunjukkan penurunan sejak ME 22/2022 selepas bilangan kes mencapai kemuncak tertinggi pada ME 21/2022," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, sehingga kini, terdapat tiga kes HFMD yang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Kes pertama dan kes kedua dimasukkan ke ICU kerana mengalami komplikasi radang otak (encephalitis) disahkan dijangkiti EV71 dan masih di bawah pemantauan rapi di ICU, manakala kes ketiga telah pun sihat dan dibenarkan pulang ke rumah," tambah beliau.



MURID-MURID ditekankan dengan aspek-aspek kebersihan semasa berada di taska, tadika dan pusat jagaan harian. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : NEGERI

Negeri Sembilan rekodkan 5,110 kes HFMD

SEREMBAN - Negeri Sembilan merekodkan 5,110 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) sehingga Isnin.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata, kumulatif kes pada

minggu epid 23 yang berakhir pada 11 Jun lalu adalah 895 kes iaitu penurunan tiga peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Daerah Seremban mencatatkan jumlah kes HFMD paling tinggi dengan 2,870

kes, diikuti Port Dickson (615 kes) dan Jempol (593 kes).

"Daerah Rembau pula merekodkan 417 kes, Tampin (240 kes), Kuala Pilah (217 kes) dan Jelebu (158 kes)," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, kumulatif wabak HFMD di Negeri Sembilan pada tahun ini adalah 50 wabak, namun tiada wabak yang aktif.

Ujarnya, daripada 50 wabak itu, 34 atau 68 peratus melibatkan tadika atau taska.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 24
 RUANGAN : GAYA.MASYARAKAT



SAKIT akibat endometriosis sering disalah tafsir sebagai kesakitan haid sedangkan tidak. - GAMBAR HIASAN

MYENDOSIS

- Ditubuhkan pada 2013
- Pengasas: Surita Mogan dan merupakan ahli gabungan Worldwide Endomarch di Amerika, sebuah gerakan global yang merintis jalan dan memperjuangkan usaha mencetus perubahan yang amat diperlukan oleh pesakit Endometriosis.

Antara aktiviti:

- Bengkel Endometriosis
- Pameran Seni Lukis Endometriosis
- Acara Jalan Kaki MyEndosis: Bangkit, Bersuara, Bersatu
- Ceramah tentang Endometriosis

Oleh RABIATUL ADAWIYAH
 KOH ABDULLAH
 gayachutusan@mediamulla.com.my

“TINDAKAN paling bermakna yang boleh diambil oleh seseorang wanita ialah menyayangi diri sendiri, menyerlahkan keperibadiannya dan membuktikan keupayaannya kepada mereka yang tidak pernah mempercayai kebolehan mereka.”

Begitulah ungkapan yang menjadi moto utama Persatuan Endometriosis Malaysia (MyEndosis).

Bercerita kepada *Utusan Malaysia*, Presiden MyEndosis, Surita Mogan, MyEndosis merupakan badan bukan kerajaan diterajui segelintir aktivis yang berani, bersungguh-sungguh dan berdedikasi menahut cabaran menerajui perjuangan menuntut kesaksamaan untuk wanita yang menghidap endometriosis.

Pesakit endometriosis perlu sokongan orang 1



MYENDOSIS merapatkan diri dengan masyarakat dengan mengadakan pelbagai program termasuk kempen kesihatan

“Setiap tahun ramai wanita menderita akibat endometriosis. Malangnya, rakyat Malaysia secara umumnya tidak mengetahui mengenai penyakit itu dan bagaimana ia berlaku. Sebab itu kita perlu sentiasa mempromosi penyakit ini,” katanya.

Endometriosis berlaku apabila sel endometrium dari rahim berkembang di kawasan lain dalam tubuh wanita. Ia

boleh menyebabkan kesakitan, pendarahan yang tidak teratur dan kemandulan.

Surita berkata, ramai wanita lewat mendapatkan rawatan, disebabkan kurangnya kesedaran dan wujudnya ‘pantang larang sosial’ dalam memperkatakan mengenai penyakit itu dalam kalangan rakyat Malaysia.

“Realiti yang perlu kita ketahui, endometriosis bukan sahaja memberi impak kepada

keadaan fizikal dan sosial individu, malah turut memberi impak terhadap mental wanita terutama ketika kehidupan mereka berada pada tahap produktif,” katanya.

Berkongsi pengalaman berdepan penyakit endometriosis tahap empat selama lebih 20 tahun, Surita berkata, persatuan MyEndosis sentiasa berusaha mewujudkan kesedaran dan mendidik orang ramai mengenai penyakit itu.

“MyEndosis bermatlamat menyatukan wanita yang mengalami penyakit itu dan menyokong mereka mengambil pendirian terhadap endometriosis.

“Amat penting untuk wanita berada dalam satu kumpulan yang mana setiap orang boleh menjwai kesakitan emosi dan fizikal mereka.

“Kami mahu menamatkan kesunyian dan mahu ia bukan sahaja menjadi isu wanita. Wanita dengan endometriosis adalah isteri, ibu, kakak, pekerja dan majikan. Ini sebenarnya satu isu masyarakat yang perlu ditangani,” katanya tegas.

Dalam usaha menyebarkan kesedaran, persatuan turut bersatu di bawah laman Facebook Endomarch Malaysia dan kumpulan Facebook MyEndosis selain menganjurkan acara pada Mac



PELBAGAI aktiviti diadakan setiap tahun bertujuan memberi kesedaran tentang endometriosis dalam kalangan orang ramai.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : MASYARAKAT.GAYA

amai



di sekolah menengah.



...sentiasa buat pemeriksaan kesihatan dan jangan malu melawat doktor sakit puan. Kalau sakit itu sangat teruk hingga membataskan anda untuk keluar bekerja dan berinteraksi dengan lain, maksudnya ia tidak normal."

setiap, iaitu bulan kesedaran mengenai Endometriosis di 25 negara.

"Kami mahu menjalin hubungan erat dalam kalangan penghidap endometriosis dan penyedia penjagaan kesihatan. Selain itu, mencetus tindak balas positif terhadap rawatan penjagaan kesihatan endometriosis.

AJAK SUAMI PESAKIT JADI AHLI

Walaupun MyEndosis mengkhususkan wanita yang menghidap endometriosis, Surita tidak mengehendkan keahlian kepada pesakit sahaja.

"Kami membuka keahlian kami kepada semua yang ingin menyertai persatuan kami termasuk kaum suami.

"Harapan saya ialah supaya kesedaran tentang endometriosis berleluasa dan persepsi orang akan tukar. Persepsi yang perlu tukar ialah endometriosis bukan senggugut biasa.

"Nasihat saya kepada wanita, sentiasa buat pemeriksaan kesihatan dan jangan malu melawat doktor sakit puan. Kalau sakit itu sangat teruk hingga membataskan anda untuk keluar bekerja dan berinteraksi dengan lain, maksudnya ia tidak normal," katanya.

BANGUN LAMAN

Myendosis baru-baru ini bekerjasama dengan Bayer Co. (M) Sdn. Bhd dan DoctorOnCall bagi membangunkan laman web telekesihatan khusus untuk masalah endometriosis.

Pengguna kali pertama yang melayari laman telekesihatan endometriosis tersebut atau wanita yang tiada pengetahuan tentang endometriosis digalakkan menjalankan analisis risiko endometriosis dengan menjawab 25 soalan kuiz di platform DoctorOnCall untuk mengetahui risiko endometriosis.

Jika memperoleh markah yang tinggi, itu menunjukkan kebarangkalian mereka menghidap endometriosis. Bagi individu yang mendapat

markah 11 dan ke atas, mereka dinasihatkan mengadakan perundingan telekesihatan dengan pakar obstetrik dan ginekologi di DoctorOnCall.

Surita berkata, platform telekesihatan tersebut sangat penting untuk mendidik dan berkongsi maklumat kepada wanita mengenai endometriosis.

"Laman ini turut menggalakkan wanita mendapatkan rawatan awal dan maklum akan keadaan kesihatan mereka," katanya.

Ini kerana selain menghadapi kos rawatan perubatan dan pembedahan yang tinggi, masalah endometriosis juga membawa kesan-kesan lain kepada kaum hawa seperti menghadapi kesusahan untuk mengekalkan kehidupan sosial dan kerjaya mereka.

Kedua-dua tersebut turut menyebabkan kesihatan fizikal dan mental terjejas.

Wanita yang kurang pemahaman dan ketidakpastian mengenai endometriosis akan berasa lebih terbebani dengan kesihatan jika terlewat diagnosis.

"Melalui laman ini, wanita akan lebih mudah mendapat nasihat pakar tentang endometriosis. Mereka hanya perlu menggunakan telefon mudah alih dan dapat berhubung dengan pakar obstetrik serta ginekologi dalam panel DoctorOnCall untuk terus mendapat nasihat.

"Ia selaras dengan objektif kami untuk memberi sokongan dan bantuan kepada pembekal penjagaan kesihatan supaya pesakit boleh mendapatkan rawatan diperlukan pada peringkat awal," ujarnya.



SURITA (tiga dari kiri) ingin wanita berani apabila berbincang tentang penyakit reproduktif mereka.



MYENDOSIS mahu menjalin hubungan erat dalam kalangan penghidap endometriosis dan penyedia penjagaan kesihatan.

'Pengalaman sakit gerakkan hati saya'

PENGALAMAN menghidap penyakit tersebut menggerakkan hati Surita membantu wanita yang menghidap endometriosis.

Katanya, pada 2001 dia didiagnosis menghidap penyakit itu oleh pakar sakit puan dan sejak itu hidupnya berubah. "Saya mengalami kesakitan teruk sehingga boleh muntah dan kadang-kadang pengsan. Pengalaman yang paling teruk ialah meyakinkan orang di sekeliling bahawa saya dalam kesakitan," katanya.

Wanita ini bagaimanapun tidak pernah berputus harap. Disahkan hamil sekali lagi pada 2004 dan anak perempuannya itu dilahirkan pramatang kerana mengalami pendarahan pada usia kandungan 34 minggu. "Ia suatu pengalaman menakutkan. Ia menunjukkan saya boleh hamil walaupun mempunyai endometriosis tahap empat.

"Sejak anak perempuan saya dilahirkan, saya menjalani empat pembedahan laparoskopi untuk membuang sista. Pada Januari 2010, saya menjalani pembedahan dan enam bulan berikutnya saya hamil lagi.

"Tidak pernah menyangka saya bernasib



Saya mengalami kesakitan teruk sehingga boleh muntah dan kadang-kadang pengsan."

baik. Bagaimanapun, pada usia kandungan lima bulan, saya mengalami masalah," katanya.

Pengalamannya endometriosisnya tidak berakhir di situ. Pada 2012 Surita disahkan mempunyai tumor pada ovari kiri dan terpaksa menjalani satu lagi pembedahan untuk membuang tumor, ovari kiri dan tiub fallopa.

"Pelbagai kaedah rawatan daripada moden dan tradisional dicuba. Buat masa ini saya mengambil pendekatan melihat tindak balas badan saya kepada ubat-ubatan ini," katanya.

Surita menasihatkan wanita menjalani pemeriksaan kesihatan dan jangan malu berjumpa dengan doktor sakit puan.

"Sakit akibat endometriosis sering disalah tafsir sebagai kesakitan haid sedangkan tidak," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

GROWING DEMAND

Malaysia needs more medical assistants, says Khairy

PUTRAJAYA: The Health Ministry has expressed concern over the low number of medical assistants in the country, with the medical assistants to population ratio at 1:1,466 currently.

Health Minister Khairy Jamaluddin said if this continued, the manpower would not be able to cope with growing demand in the healthcare sector.

"We fear the situation may become more critical in the future. Although we have 22,257 medical assistants up to December last year, at a ratio of 1:1,466, our target is 1:1,000," he said in a speech read by Deputy Health Minister I Datuk Dr Noor Azmi Ghazali at the National Conference of Medical Assistants at a hotel here on Monday night.

Khairy said further discussions with the Public Service Department and Public Services Commission would be



Khairy
Jamaluddin

held to create additional posts to beef up and improve healthcare services.

"I was told that 4,328 graduates from the Health Ministry's training institutions are still contract workers. We will ensure these graduates get permanent positions in stages."

He said the government would review employment rules in the healthcare services in line with new developments in the sector.

"This will ensure occupational projections are on the right path. This is crucial as a guide for effective planning."

In February, the government agreed to create 8,686 permanent positions for medical, dental and pharmaceutical officers from 2022 to 2025.

Appointments to these positions began this month, with 3,586 medical officers, 300 dental officers and 300 pharmaceutical officers getting permanent positions.

The government also decided that at least 1,500 permanent healthcare positions would be created every year from next year to 2025.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

143% increase in Kedah dengue cases

ALOR STAR: Dengue cases in Kedah increased by 143.8% this year as of June 11, with 490 cases compared with 201 during the corresponding period last year, said state health director Dr Othman Warjjo.

He said one death due to dengue was recorded this year, while the number of outbreaks increased to 55 compared with only eight for the same period in 2021.

"Of the total number of outbreaks reported, three hotspots are under

control, eight are still active and the remaining ones have ended," he said in a statement yesterday.

He added that during the same period this year, 157,399 premises were inspected and 2,887 compounds for more than RML3 million were issued under the Destruction of Disease-Bearing Insects Act 1975 to owners of premises.

He said control and prevention activities were carried out for all

dengue cases and outbreaks reported in all localities to break the chain of infection.

"Among the vector control activities conducted were inspection of premises, fogging and health education," he said, and advised the public to keep their surroundings clean, eliminate mosquito breeding grounds inside and outside their homes and seek immediate treatment if they have fever, joint pain and rashes.

Meanwhile in Kota Baru, state health director Datuk Dr Zaini Hussin said two deaths due to dengue were reported in Kelantan this year.

He said a total of 197 dengue cases were recorded, an increase of 96 cases from 101 recorded during the corresponding period last year.

"This year, there have been 10 episodes of dengue outbreak reported in Kelantan, compared with five during the corresponding period

last year," he said.

He added that there were currently five active dengue outbreaks in the state, namely in Badang, Kota and Pariji in Kota Baru and in Taman Sri Mahang and Bukit China 2 in Ketereh.

Zaini said a total of 94,867 premises and residential houses have been inspected, and 2,967 were found to have mosquito breeding grounds, with 461 compounds for RM230,500 issued. - Bernama